

SOALAN NO. 50**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017

SOALAN : PM 22(5)

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang tidak lagi menerima UEC untuk menduduki peperiksaan CLP (Certificate of Legal Practice).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Mesyuarat Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia ("Mesyuarat Lembaga") yang diadakan pada 23 September 2005, Lembaga telah memutuskan bahawa sijil *Unified Examination Certificate* ("UEC") tidak diiktiraf sebagai setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia ("SPM") ataupun Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ("STPM"). Sungguhpun demikian, pemohon yang mempunyai sijil UEC diterima sebagai calon Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ("PSAG") sekiranya pemohon itu juga lulus penuh bagi dua mata pelajaran di peringkat STPM/A-Level.

Dalam Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada 7 Disember 2016, Lembaga telah memutuskan bahawa keputusan asal Lembaga yang diputuskan pada 23 September 2005 dikekalkan dan pemohon yang mempunyai kelayakan sijil UEC dibenarkan untuk menduduki PSAG dengan syarat pemohon itu juga lulus penuh bagi dua mata pelajaran di peringkat STPM/A-Level/ dengan syarat tambahan iaitu kelulusan A-Level/ itu hendaklah daripada institusi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sehubungan dengan itu, walaupun UEC tidak diiktiraf sebagai setaraf dengan SPM atau STPM, pemegang sijil UEC dibenarkan menduduki PSAG

dengan syarat pemegang sijil UEC mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga.

Sehingga PSAG 2017, lebih kurang 4 hingga 5 peratus calon PSAG setiap tahun merupakan pemegang sijil UEC.

Sekian, terima kasih.